

**NO SOALAN :34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.08.2017**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kementerian Kewangan mengambilalih syarikat 1MDB dan apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan hutang-hutang yang ditanggung oleh syarikat 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD), sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah mengambil langkah pada tahun 2015 untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi terhadap 1MDB.

Di samping itu, Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa MKD telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC").

Tuan Yang Dipertua,

Rancangan 1MDB untuk menyelesaikan hutang syarikat adalah seperti berikut:

- Pertama, penjualan 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam syarikat jana kuasa elektrik bebas Edra (*independent power producer* (IPP), dengan izin). Hasil penjualan ini, 1MDB telah pun membayar balik kesemua hutang bank dan hutang jangka masa pendek.
- Kedua, menurut cadangan PAC, 1MDB akan memindahkan kepada MKD, 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam hartanah Tun Razak Exchange (TRX) berkeluasan 70 ekar (telah dipindahkan pada 31 Mac 2017), Bandar Malaysia berkeluasan 486 ekar (telah dipindahkan pada 31 Mac 2017),

Pulau Indah berkeluasan 310 ekar (akan dipindahkan sebelum 31 Disember 2017), dan Ayer Itam berkeluasan 235 ekar (akan dipindahkan sebelum 31 Disember 2017). Hartanah ini akan dijual dan/ atau dibangunkan dan aliran tunai penjualan/ pembangunan tanah ini akan digunakan untuk membayar balik hutang jangka masa panjang 1MDB, iaitu sukuk RM5 bilion (matang pada tahun 2039) dan bon terbitan 1MDB Global Investments Limited berjumlah AS\$3 bilion (matang pada tahun 2023).

- Ketiga, melalui penebusan unit dana milik 1MDB berjumlah kira-kira AS\$2.5 bilion dan penyelesaian pertikaian deposit berjumlah kira-kira AS\$3.5 bilion bersama International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar). Aliran tunai ini akan digunakan untuk membuat pembayaran kepada IPIC dan untuk menyelesaikan dua bon terbitan 1MDB Energy Limited dan 1MDB Energy Langat (Limited) berjumlah AS\$3.5 bilion (matang pada tahun 2022).